

Pra Paskah: Putuskan rantai individualisme

TAKHTA SUCI: Pra-Paskah adalah masa yang baik untuk memeriksa diri kita dalam cahaya kebenaran, untuk melepaskan gangguan seperti jadual harian yang terlalu padat dan memperbaiki hubungan kita dengan Tuhan dan orang lain.

“Marilah kita menggunakan 40 hari ini untuk menjaga diri kita, untuk membebaskan diri kita dari kediktatoran kepadatan jadual yang sesak dan membebaskan diri kita dari perkara-perkara yang tidak perlu serta memilih perkara-perkara yang benar-benar penting,” kata Sri Paus Fransiskus pada Hari Rabu Abu, Februari 22.

“Pra-Paskah adalah masa yang sesuai untuk berubah, untuk berhenti sejenak bagi melihat serta memeriksa diri sendiri.”

Bapa Suci merayakan permulaan musim Pra-Paskah dengan Misa Kudus di Basilika Santa Sabina, di Bukit Aventine Roma.

Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, Fransiskus tidak mengambil bahagian dalam perarakan penintensi dari Gereja St. Anselm sebelum Misa. Sri Paus memasuki Santa Sabina dengan kerusi roda, yang telah digunakan secara kerap selama hampir satu tahun sejak mengalami masalah dengan ligamen lututnya.

“Berapa banyak gangguan dan perkara kecil mengalihkan perhatian kita dari perkara-perkara yang benar-benar penting? Berapa kerapkah kita terperangkap dalam kehendak dan keperluan kita sendiri dan gagal menerima makna sebenar ke-



Pra-Paskah masa rahmat untuk membina semula hubungan kita dengan Tuhan dan sesama. Gambar menunjukkan Komite Pertemuan Minggu Gembira (PMG) melawat warga tua di Rumah Orang Tua Air Panas, Tawau sebagai salah satu sahutan amal Pra-Paskah. (Gambar: DOSPO Sandakan)

hidupan kita di dunia ini?”

Pra-Paskah adalah masa kebenaran, masa untuk membuka topeng yang menjadikan kita kelihatan sempurna di mata dunia. Pra-Paskah adalah masa, seperti yang dikatakan Yesus dalam Injil, untuk menolak pembohongan dan kemunafikan: bukan orang lain, tetapi diri kita sendiri. Lihatlah kelemahan, kesalahan dan dosa kita serta berjuanglah untuk menjadi lebih baik,” ujar Bapa Suci.

“Pra-Paskah adalah masa rahmat untuk membina semula hubungan kita dengan Tuhan dan dengan orang lain, membuka

hati kita dalam keheningan doa serta meruntuhkan kesombongan dan keangkuhan diri kita.”

“Pra-Paskah adalah masa yang untuk kita memutuskan rantai individualisme kita dan mencari semula, melalui perjumpaan dan mendengar rakan-rakan dan keluarga dalam rutin harian kita, bukannya mengasingkan diri atau menjauhkan diri. Dan untuk belajar sekali lagi untuk mencintai mereka.”

Memetik homili pendahulunya, Sri Paus Benediktus XVI semasa memimpin Misa Kudus Rabu Abu pada tahun 2006,

“Yesus memberikan nasihat bahawa perbuatan kita harus sepadan dengan hati yang ikhlas dan tingkah laku yang konsisten. Apa gunanya ‘merobek pakaian’ (Yoel 2:13) iaitu perbuatan yang menunjukkan penyesalan, tetapi hati kita tetap jauh daripada Tuhan, tidak melakukan kebaikan dan keadilan?”

Sri Paus Fransiskus menegaskan, “Kehidupan, penghakiman peribadi dan perkara duniawi, tidak penting. Satu-satunya perkara yang benar-benar penting ialah kebenaran dan aksi belas kasihan kita yang dipandang oleh Tuhan.” — CNA

Lakukan kebaikan, jangan ditambah lagi luka dunia

MANILA: Orang Kristian dipanggil untuk menentang kejahatan dengan kebaikan, meskipun hanya dengan melakukan perkara yang kecil, kata Kardinal Luis Antonio Tagle.

Prelatus itu bercakap hal sedemikian semasa memimpin Misa Kudus di Gereja Sta Maria Goretti, Manila. Tegasnya, melakukan kebaikan tidak semestinya tindakan yang besar sebaliknya dilakukan den-

gan cara Tuhan.

“Kita tidak boleh membiarkan iblis dan kejahatan membunuh semua harapan dan segala kebaikan yang kita ada,” ujar Kardinal Tagle dalam homilinya. “Kita bermula dengan melakukan aksi kebaikan yang kecil.”

“Kita mungkin tidak dapat menyelesaikan semua masalah di dunia... tetapi marilah kita melakukannya seperti yang

dilakukan Yesus melalui sedikit perbuatan kebaikan, dengan menjadi orang yang cuba membawa ciptaan Tuhan atau kemanusiaan kembali kepada kebaikan,” katanya.

Prefek bagi Dikasteri untuk Penginjilan berada di Manila bagi memimpin pentahbisan episkopal calon Uskup, Pablito Tagura dari Vikaris Kepausan San Jose di Occidental Mindoro pada Februari 17.

Kardinal itu juga menegaskan bahawa menyebarkan kebaikan mempunyai kuasa untuk mengubah kehidupan menjadi lebih baik. Katanya, melakukan perkara-perkara kecil yang baik, kelak boleh menjadi kekuatan yang luar biasa.

“Marilah memnmbawa kebaikan. Jangan tambah lagi huru-hara dan keganasan di dunia. Janganlah kita menambah luka dunia,” katanya. — LiCASnews

Kemanisan kita yang makin pudar

Kisah Saul dalam Kitab Suci adalah salah satu tragedi besar dalam semua kesusasteraan. Kisah Saul membuatkan kisah Hamlet kelihatan seperti watak Disney. Namun Hamlet, sekurang-kurangnya, mempunyai alasan yang baik untuk kekecewaan yang menyimpannya. Saul pula, memandangkan apa yang baik pada permulaan hidupnya, sepatutnya jauh lebih baik berbanding Hamlet.

Kisah Saul dimulakan dengan cerita bahawa di seluruh Israel, tidak ada yang setanding dengannya dari segi ketinggian, kekuatan, kebaikan, atau sumbangannya.

Beliau dikatakan seorang pemimpin semulajadi, seorang putera di kalangan rakan sebaya; wataknya yang luar biasa diiktiraf dan diakui oleh rakyat.

Mereka menjadikannya raja mereka. Permulaan ceritanya adalah cerita dongeng, dan ia berterusan seperti itu buat seketika.

Walau bagaimanapun, pada satu ketika, perkara mula menjadi kurang menyenangkan.

Ia bermula dengan kedatangan Daud, seorang pemuda yang lebih remaja, lebih kakak, lebih berbakat, dan lebih terkenal daripada Saul.

Perasaan cemburu mula menyusup masuk dalam hati Saul dan perasaan dengki itu mula meracuni jiwa Saul.

Melihat Daud, Saul hanya memikirkan bahawa populariti dirinya bakal hilang.

Dia tidak dapat menerima popularitinya kalah kerana kebaikan orang lain atau kalah kerana ada lelaki lain yang lebih menawarkan

banyak kebaikan kepada orang lain.

Dia tidak gembira wujudnya seorang pemuda yang baik berada dalam lingkungannya.

Malah, dia semakin benci, merasa dirinya kecil, bertindak kasar malah cuba membunuh Daud, dan akhirnya dia mati kerana mengambil nyawanya sendiri. Saul mati sebagai lelaki yang marah, sebagai lelaki yang dahulunya dikenali sebagai remaja yang sangat polos dan baik hati.


Apa yang berlaku pada Saul? Bagaimana seseorang yang mempunyai banyak sifat terpuji – baik hati, berbakat, kakak, banyak sumbangan dan berkat – bertukar menjadi lelaki yang iri hati, kedekut akhirnya mengambil nyawanya sendiri? Bagaimana ini berlaku?

Mendiang Margaret Laurence, dalam novel gelap yang menarik, *The Stone Angel*, memberikan pencerangan yang baik tentang bagaimana ini berlaku dan bagaimana ia berlaku secara diam-diam lebih-lebih lagi mereka yang sedang dalam fasa peralihan.

Watak utama dalam novel ini ialah Hagar Shipley, yang adalah salah satu bentuk “Saul”.

Kisah Hagar bermula seperti Saul: Dia masih muda, naif dan penuh potensi. Apa yang akan terjadi pada muda yang cantik, cerah, berbakat?

Malangnya, tidak ada banyak perubahan ketika menjadi dewasa, perkahwinannya tidak bahagia, dan mengalami kekecewaan yang mendalam, mengalami banyak kesedihan yang tidak terucapkan akhirnya menjadikannya seorang yang dingin, kecewa tanpa saman-



gat atau cita-cita.

Apa yang menariknya, Hagar tidak menyedari bahawa dia telah berubah menjadi seseorang yang dingin dan tidak bersemangat.

Dalam fikirannya, dia tetap seorang gadis muda, polos, lemah lembut, popular dan menarik seperti di sekolah menengah.

Hagar tidak menyedari betapa kecil dunianya, betapa dia hanya mempunyai sedikit kawan sejati, betapa dia kurang mengagumi apa-apa atau sesiapa sahaja, bahkan dia tidak menyedari, bagaimana fizikalnya telah banyak berubah.

Namun, pada hari dia menyedari hakikat ini, dia tidak bersedia dan dia menerima kenyataan itu dengan sukar.

Pada ketika itu, musim sejuk, dia memakai parka lama yang lusuh. Dia sedang menghantar telur ke sebuah rumah. Dia membunyikan loceng pintu rumah dan seorang kanak-kanak ceria membuka pintu.

Kemudian, Hagar mendengar kanak-kanak itu memberitahu ibunya, “Wanita hodoh dan tua yang membawa telur itu ada di pintu!”

Kata-kata daripada kanak-kanak itu benar-benar mengejutkannya.

Dengan rasa terkejut, dia meninggalkan rumah itu dan mencari tandas awam di mana dia menghidupkan semua lampu dan meneliti wajahnya di cermin.

Apa yang dilihatnya pada cermin itu ialah pantulan wajah yang tidak dikenalnya, seseorang yang amat bertentangan dengan apa yang difikirkan tentang dirinya selama ini.

Dia sekarang dapat melihat dirinya yang sudah tua dan mengerikan, seperti yang dilihat oleh kanak-kanak tersebut. Dia bukan lagi wanita muda, baik hati, menarik, besar hati yang dia bayangkan masih kekal dalam dirinya. “Bagaimana ini boleh berlaku?” Hagar bertanya kepada dirinya sendiri. Ia boleh berlaku dalam beberapa cara.

Tidak mudah untuk bagi yang meningkat usia, untuk menerima kejatuhan dari apa yang kita impikan untuk diri kita sendiri, untuk menyaksikan golongan muda mengambil alih, menerima populariti dan pujian yang pernah menjadi milik kita.

Seperti Saul, hati dan fikiran kita dapat diisi dengan cemburu yang kita tidak kenali, dan seperti Hagar, kita boleh menjadi yang bermuka masam dan hodoh tanpa menyedarinya.

Tetapi bagi orang lain, mereka perasan akan perubahan ini.

Bukannya kita tidak mendapat sesuatu manfaat daripada apa yang berlaku.

Biasanya kita berkembang menjadi lebih bijak, lebih mengetahui akan cara dunia berkerja, dan kekal baik hati, kekal murah hati.

Walau bagaimanapun, kita cend-

erung untuk menjadi lebih jahat sebelum ini, mengeluh dan mengadu sepanjang masa, merasa terlalu banyak penyesalan untuk diri kita sendiri, dan kerap mengutuk, bukannya memberkati mereka yang telah menggantikan kita, yang lebih muda daripada kita, yang popular, yang terkenal.

Oleh itu, tugas rohani dan manusia yang terakhir pada separuh kedua kehidupan adalah untuk melepaskan rasa cemburu dan kehodohan ini dan bermula lagi untuk mencintai, polos dan kembali kepada kebaikan kita semasa muda, meremajakannya semula, menuju kepada fasa kepolosan tahap dua dan mula lagi untuk mengagumi sesuatu.

Pada permulaan Kitab Wahyu, Yohanes yang dikatakan bercakap untuk Tuhan, mempunyai beberapa nasihat untuk kita, *sekurang-kurangnya bagi mereka yang telah meninggalkan keremajaan*: “*Saya telah melihat betapa kerasnya anda bekerja*.”

Saya mengenali kemurahan hati anda dan semua kerja baik yang anda lakukan, tetapi saya ingin menyampaikan kepada kalian bahawa anda mempunyai cinta yang kurang dalam diri anda sekarang daripada ketika anda ketika masih muda! Kembali dan lihat di mana anda telah jatuh!

Kita mungkin mahu mendengar ini dari Kitab Suci daripada mendengarnya daripada seorang kanak-kanak perempuan yang memberitahu ibunya bahawa ada yang orang yang bermuka masam, pamarah, hodoh dan tua di hadapan pintu. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Berdirilah, jangan takut ...

Di dalam bukunya yang berjudul ‘Nyanyian burung-burung,’ Fr Anthony de Mello, SJ menceritakan kisah seorang tua bijaksana.

Pada suatu hari, orang tua itu membuat renungan tentang kehidupannya, “Sewaktu saya masih muda, saya berdoa kepada Tuhan demikian, “Tuhan, berikanlah saya kekuatan untuk mengubah dunia ini.”

Tulisnya lagi, “Apabila saya mencapai usia pertengahan dan menyedari bahawa separuh daripada kehidupan saya berlalu tanpa dapat mengubah satu pun manusia, maka saya mengubah doa saya, “Tuhan, berikanlah saya rahmat untuk mengubah keluarga dan teman-teman saya.”

“Namun sekarang, saya sudah menjadi orang tua, dan saya mulai melihat betapa bodohnya saya selama ini.

Maka inilah doa saya pada hari ini, “Tuhan berikanlah saya rahmat untuk mengubah diri ku sendiri” ... Seandainya saya mohon doa ini sejak dahulu, pasti hidup saya tidak sia-sia.”

Pesan Injil minggu ini memperkatakan tentang perubahan seperti apa yang didoakan oleh orang tua bijaksana tadi. Ia menggambarkan

kan kemuliaan Yesus yang telah berubah wajah, “Wajah-Nya bercahaya seperti matahari dan pakaian-Nya menjadi putih bersinar seperti terang (Mat 17:2).

Perubahan wajah Yesus tersebut mengajar kita bahawa kita secara peribadi juga perlu berubah. Kita perlu berani sentiasa berubah ke arah yang lebih baik.

Perlu kita sedari bahawa pertumbuhan ke arah kedewasaan Kristian bukanlah pengalaman yang hanya sekali, namun ia tertakluk pada perubahan. Suatu usaha untuk menyahut cabaran memilih di antara ketaatan dengan penentangan kehendak Tuhan.

Demikianlah perjalanan iman kita masing-masing adalah sesuatu yang unik dan tidak sama antara satu dengan yang lain.

Kita masing-masing mempunyai masa permulaan dan pengakhiran yang tidak sama, serta kepelbagaian pengisian di antaranya.

Namun kita semua berjalan merentasi kehidupan dengan sukatan masa yang sama. Kita semua sedar bahawa perubahan itu tidak dapat kita hindari dan bahawa kita semua tertakluk pada perubahan sama ada kita menyukainya atau pun tidak.

Perjalanan iman kita menuju ke

kekudusan sentiasa sahaja diubah diperbaiki dari semasa ke semasa. Kita semua secara berterusan dan terlibat secara langsung di dalam proses untuk meneruskan perubahan ke dalam keutuhan dan kejujuran yang mantap, demi menjadi seorang peribadi yang lebih mengasihi dan penuh dengan belas kasihan.

Bapa Abraham, dalam bacaan pertama, merupakan sumber inspirasi iman, di mana dia dengan sukarela mengikuti dan taat pada Tuhan dengan melepaskan segala kemewahan dunia dengan mengembara ke negara Palestin.

Semasa dia memulakan perjalanannya untuk merubah kehidupannya, dia sudah pun berumur 75 tahun.

Oleh itu, kita seharusnya jangan pernah berkata atau berfikir bahawa kita sudah terlambat atau terlalu tua untuk mengubah kehidupan ini agar menjadi lebih baik daripada yang biasa.

Sebenarnya terdapat banyak unsur-unsur kebaikan dan kelebihan di dalam diri kita, tetapi terdapat juga keperluan untuk perubahan.

Namun, berwaspadalah. Nilai-nilai dan sikap-sikap kita yang baik itu boleh juga menjadi sum-

HARI MINGGU KEDUA PRA-PASKAH (TAHUN A)

**KEJADIAN 12:1-4;
2 TIMOTIUS 1:8-10;
MATIUS 17:1-8**

ber kelemahan kita. Misalnya:

1. Keperibadian yang ekstrim. Ia baik tapi menjadi tidak baik apabila kita tidak sanggup mengatakan 'tidak' kepada teman atau kepada atasan apabila kita disuruh menandatangani suatu kontrak kerja yang tidak jujur atau menutup mata sebelah apabila melihat ketidakadilan terjadi.
2. Mengamalkan 'budaya ketam.' Maksudnya bersikap seperti ketam di dalam bakul yang saling menjatuhkan apabila ada yang berusaha naik ke atas. Walhal 'budaya ketam' ala Kristian adalah saling mendorong atau menarik ke atas terhadap sesama yang sungguh-sungguh berusaha untuk melakukan apa sahaja yang baik.
3. Perpecahan yang disebabkan oleh amalan berkomplot dan rancangan jahat, kritikan yang tidak membangun serta

perselisihan politik yang tidak berkesudahan yang hanya pentingkan diri sendiri.

Pada ketika ini kita memasuki Minggu kedua musim Pra-Paskah. Panggilan untuk mengubah corak kehidupan, corak berfikir dan bertindak adalah suatu peringatan bagi kita semua secara berterusan daripada Tuhan agar kita mencapai kehidupan yang lebih baik, lebih dirahmati Tuhan.

Demi mencapai pertumbuhan dan kemajuan sama ada rohani mahupun jasmani, kita perlu mengikis nilai-nilai yang negatif, sikap malas, tidak taat dan tidak jujur, segala bentuk perselisihan faham yang tidak menguntungkan serta cepat merasa puas dan tidak mahu berusaha sesuatu yang lebih baik. Sebab sikap-sikap kita yang baik ataupun yang buruk itu akan menentukan hala tuju kehidupan kita di masa-masa yang akan datang. — **JL**

Sukacita hidup bakti, saksi penting dalam pewartaan Khabar gembira

KENINGAU: “Yesuslah yang menyempurnakan kita, manusia yang tidak sempurna ini, dalam upaya manusia itu untuk mengikuti perintah Tuhan,” kata Fr Bonaventure Unting (Fr Bona), semasa memimpin perayaan Misa Kudus sempena Hari Hidup Bakti.

Hari Hidup Bakti di Keuskupan Keningau dirayakan pada Februari 12, 2023 di Katedral St Francis Xavier.

“Perintah Tuhan yang pertama hingga ketiga adalah menyentuh tentang hubungan kita dengan Tuhan. Perintah yang keempat hingga kesepuluh adalah tentang hubungan kita dengan sesama. Namun seringkali kita gagal untuk menuruti perintah-perintah ini. Mengapa?” tanya Fr Bona.

“Ini kerana kita mencuba menurutinya berdasarkan kekuatan manusiawi, kekuatan yang cenderung untuk tunduk kepada keinginan daging itu.”

“Kita perlukan kekuatan daripada Yesus, agar kita dapat menghayati dan menuruti perintah-perintah ini dengan penuh kerelaan dan sukacita,” jelas Fr Bona.

Fr Bona mengambil contoh dari Injil Mat 5:17-37, bagaimana Yesus mengatakan bahawa

perintah “Jangan membunuh” harus dimulai dengan mengawal kemarahan kita.

“Oleh itu Yesuslah yang menyempurnakan kita, Dia bukan sahaja memberikan perintahnya tetapi juga memberikan kita punca mengapa pelanggaran terhadap hukum-hukum Tuhan itu boleh berlaku,” jelas Fr Bona.

Tambahnya, “Sempena Perayaan Hidup Bakti ini, marilah kita mengucapkan terima kasih dan syukur kepada semua religious yang membaktikan diri mereka untuk membimbing kita tentang perintah-perintah Tuhan ini.

“Saya dan mereka juga manusia, teruskan berdoa untuk kami semua,” kata Fr Bona di akhir homilinya.

Perayaan Hidup Bakti di Katedral St. Francis Xavier dirayakan dengan sederhana namun cukup bermakna.

Sebagai simbolik perayaan, beberapa kanak-kanak berpakaian busana dan jubah para religious yang mengikuti perarakan masuk Misa Kudus.

Melalui perayaan ini juga, umat dapat mengenali karisma setiap religious dan menyaksikan mereka melafazkan komitmen mereka sebagai umat yang dikonsekrasi. — *Juanis bin Marcus*



Kanak-kanak berbusana religius dan paderi berarak masuk ke dalam katedral sempena perayaan Hari Hidup Bakti Keuskupan Keningau.

Pengerusi AOR penggal baru, berharap agar dapat melayani dengan lebih baik



MELAKA: Sempena Hari Hidup Bakti, *Association of Religious* (AOR) Keuskupan Melaka-Johor mengadakan Misa Kudus, pembaharuan janji religious dan Perhimpunan Agung untuk memilih pemimpin baru bagi penggal 2023.

Friar Joe Mathews, OFM Cap dilantik sebagai pengerusi AOR bagi penggal baru. Beliau dibantu oleh Bro Thomas Paul, SG dan Sr Santhamary menyambung semula tugasnya sebagai setiausaha manakala Sr

Monica Foo FDCC, dilantik sebagai bendahari.

Friar Joe dalam ucapannya berharap agar dapat melayani komuniti dengan lebih baik dan berharap agar ahli-ahli AOR dapat menyokongnya melalui kerjasama dan doa.

Mantan pengerusi AOR, Friar Claurence Motoyou OFM, memberi kata-kata semangat kepada barisan AOR penggal baru, dan menyatakan kesudiannya untuk berjalan bersama mereka.

Ringkasan Pesan Pra-Paskah Sri Paus Fransiskus

Penitensi Pra-Paskah dan Perjalanan Sinodal

Injil Matius, Markus dan Lukas; semuanya menceritakan episod Transfigurasi Yesus. Di sana kita melihat tindak balas Tuhan terhadap kegagalan murid-murid-Nya dalam memahami Dia.

Tidak lama sebelum itu, ada perbalahan antara Tuhan dan Simon Petrus, yang, selepas mengaku imannya kepada Yesus sebagai Kristus, Anak Tuhan, menolak ramalan-Nya tentang penyiksaan dan salib.

Yesus dengan tegas menegurnya: “Enyahlah Iblis. Engkau adalah batu sandungan bagi-Ku, sebab engkau bukan memikirkan apa yang difikirkan Tuhan, melainkan apa yang difikirkan manusia.” (Mat 16:23).

Selepas itu, “enam hari kemudian, Yesus membawa bersama-Nya Petrus, Yakobus dan Yohanes saudaranya, dan membawa mereka pergi ke gunung yang tinggi” (Mat 17: 1).

Injil Transfigurasi diwartakan setiap tahun pada Hari Minggu Kedua Pra-Paskah.

Semasa musim liturgi ini, Tuhan membawa kita bersama-sama Dia ke tempat yang berasingan. Semasa Pra-Paskah kita dijemput untuk naik “gunung yang tinggi”, ditemani oleh Yesus dan untuk menjalani pengalaman tertentu disiplin rohani - *ascesis* - sebagai orang kudus Tuhan.

Penitensi Pra-Paskah adalah sebuah komitmen, yang disemangati dengan berkat, untuk mengatasi kekurangan iman dan penolakan kita untuk mengikuti Yesus dalam perjalanan salib. Inilah yang telah dan harus dilakukan oleh Petrus serta murid-murid lain.

Untuk memperdalam pengetahuan kita tentang Sang

Guru, untuk memahami sepenuhnya dan memeluk misteri keselamatan-Nya, tercapai dengan menyerahkan diri kita sepenuhnya, diilhamkan oleh cinta, kita mesti membenarkan diri kita untuk dibawa ke sisi-Nya dan melepaskan diri kita dari kelemahan dan kesombongan. Kita perlu mengatur perjalanan, jalan yang sukar seperti trek gunung, yang memerlukan usaha, pengorbanan dan tumpuan.

Syarat-syarat ini juga penting untuk perjalanan sinodal, di mana sebagai Gereja, yang sedang komited kita lakukan. Kita boleh mendapat manfaat yang besar dengan merefleksikan hubungan antara penitensi Pra-Paskah dan pengalaman sinodal.

Semasa “mengundurkan diri” di Gunung Tabor, Yesus membawa bersama-Nya tiga murid, dipilih untuk menjadi saksi peristiwa yang unik. Dia mahu pengalaman rahmat itu dikongsi, tidak bersendirian, sama seperti seluruh pengalaman kehidupan iman kita dikongsi dengan sesama. Kerana dalam kebersamaan itu kita mengikuti Yesus.

Juga, bersama-sama, sebagai Gereja ziarah pada masa ini, kita mengalami tahun liturgi dan Pra-Paskah di dalamnya, berjalan bersama orang-orang yang Tuhan telah letakkan di kalangan kita sebagai rakan-rakan pengembara.

Seperti pendakian Yesus dan murid-murid ke Gunung Tabor, kita boleh mengatakan bahawa perjalanan Pra-Paskah kita adalah “sinodal” kerana kita melakukannya bersama-sama di sepanjang jalan yang sama, sebagai murid-murid Guru yang satu.

Kerana kita tahu bahawa Yesus adalah Jalan, oleh itu,

sama ada dalam perjalanan liturgi dan dalam perjalanan Sinode, Gereja tidak dapat melakukan apa-apa selain memasuki lebih mendalam dan sepenuhnya ke dalam misteri Kristus Penyelamat.

Oleh itu, kita datang ke kemuncaknya. Injil menyatakan bahawa “Yesus berubah rupa di depan mata mereka; wajah-Nya bercahaya seperti matahari dan pakaian-Nya menjadi putih bersinar seperti terang” (Mat 17:2). Ini adalah “kemuncak” matlamat perjalanan.

Pada akhir pendakian mereka, ketika mereka berdiri di puncak gunung dengan Yesus, ketiga-tiga murid diberi rahmat melihat Dia dalam kemuliaan-Nya, penuh dengan cahaya ghaib.

Cahaya itu tidak datang begitu sahaja, sebaliknya terpancar daripada Tuhan sendiri. Keindahan ilahi visi ini jauh lebih besar daripada semua usaha yang telah dilakukan oleh murid-murid dalam pendakian Tabor.

Semasa mendaki mana-mana trek gunung yang melelahkan, kita mesti agar tertumpu di jalan; namun panorama yang terbentang pasti mengagumkan kita dan sebagai ganjarannya, kita terhibur kerana keindahan pemandangan itu.

Begitu juga proses sinodal mungkin sering kelihatan sukar, dan kadang-kadang kita menjadi tidak begitu bersemangat. Namun apa yang menanti kita pada akhirnya adalah sesuatu yang menakjubkan dan indah, yang akan membantu kita memahami kehendak Tuhan yang lebih baik dan misi kita dalam melayani kerajaan-Nya. — *Sri Paus Fransiskus, Santo John Lateran, Januari 25, Pesta Pertobatan Sto Paulus*

Sahabat kecil Yesus

Dan tiba-tiba sedang Dia berkata-kata turunlah awan yang terang menaungi mereka dan dari dalam awan itu terdengar suara yang berkata: "Inilah Anak yang Kukasihi, Kepada-Nyalah Aku berkenan, dengarkanlah Dia". (Mat 17:5).



Padankan gambar Yesus, Simon Petrus, Yohanes dan Yakobus pada bayang-bayang yang betul. Lakukan aktiviti ini dengan keluarga.



Hello adik-adik,

Apa khabar? Hari ini merupakan hari Pesta Transfigurasi. Dalam pembacaan Injil dinyatakan bahawa Yesus bersama Petrus, Yakobus dan Yohanes naik ke sebuah gunung yang tinggi.

Di situ, terjadi peristiwa luar biasa di mana ketiga-tiga pengikut Yesus menyaksikan Yesus telah berubah rupa sehingga jubah Yesus juga menjadi putih berkilat-kilat.

Bukan itu sahaja, tiga orang pengikut Yesus juga melihat Elia dan Musa, yang pada ketika itu sudah meninggal dunia, kelihatan berbicara dengan Yesus.

Malah terdengar suara Tuhan, dari dalam awan yang mengatakan, "Inilah

Anak yang Kukasihi, dengarkanlah Dia."




Bukankah peristiwa ini sangat menarik dan luar biasa. Jika auntie yang berada di situ, auntie juga mahu berada selama-lamanya di atas gunung bersama Yesus.

Tetapi sudah tentu, Yesus tidak mahu kita tinggal di atas 'gunung' sebaliknya hidup bersama komuniti lain dan terus menyebarkan pesan keselamatan Yesus kepada sesiapa sahaja.

Adik-adik, pada musim Pra-Paskah ini marilah terus tekun berdoa, berpuasa dan berpantang agar kita tidak mudah terpengaruh dengan kuasa kejahatan.

Salam Sayang
Auntie Melly

Sambungkan titik-titik pada gambar di atas dan jangan lupa mewarnakannya.



CARI SEMBILAN PERBEZAAN
PADA GAMBAR INI.



BELIA MILENIUM



Perubahan tidak berlaku jika kaum muda pasif

BEIRUT: Perhimpunan Sinodal Benua Gereja Katolik Timur Tengah telah berakhir pada Februari 17 lalu. Salah seorang perwakilan muda yang hadir dalam perhimpunan tersebut, Safa al-Abbia, dari Iraq, berada di Beirut sebagai wakil Gereja Katolik Chaldean.

Dia mengakui bahawa semasa tiba di Perhimpunan Kontinental itu, dia bertanya kepada dirinya sendiri sama ada Sinode dapat menyelesaikan "satu daripada seratus masalah yang ada"? Setelah berkongsi dan berbual dengan peserta dari negara lain, Safa mula mempunyai harapan semula.

"Pertama sekali, kita perlu mempunyai iman dan harapan, dalam Tuhan dan Roh Kudus, dan biarkan Roh Tuhan bekerja dalam diri kita. Kita perlu beriman dan berharap bahawa kita dapat melakukan sesuatu, walaupun kecil. Penting untuk



Antara peserta belia yang menyertai Perhimpunan Sinodal Gereja Katolik Timur Tengah peringkat kontinental.

melakukan sesuatu, umpama pepatah jika hendak memulakan perjalanan seribu batu, dimulakan dengan satu langkah.

Mira Naaime, ahli Gereja Ortodoks Yunani Antioch, juga berada di perhimpunan itu, sebagai wakil Pergerakan

Kaum Muda berkata pengalamannya mengambil bahagian dalam Sinode "sangat membuka minda dan membuka perspektif baru."

Elemen utama perhimpunan itu ialah "berjalan di jalan bersama. Inilah yang akan saya menjadi panduan saya," kata Naaime.

Naaime juga kagum dengan usaha Gereja Katolik ke arah ini, dan menyatakan ini adalah contoh yang "harus diikuti oleh semua orang."

Beliau menyeru kaum muda Kristian di seluruh dunia untuk terlibat dalam proses sinodal di Gereja-gereja mereka: "Anda adalah enjin perubahan, dan perubahan tidak boleh berlaku jika anda tinggal di rumah, jika anda tidak berjuang untuk apa yang anda percayai, dan jika anda tidak menganjurkan kebenaran dan kejujuran di Gereja." — **media Vatikan**

Temasya Belia Keuskupan Sandakan bakal beraksi Ogos ini



SANDAKAN: Temasya Belia Keuskupan, salah satu aktiviti besar di Keuskupan Sandakan bakal diadakan pada Ogos 28 hingga September 1, 2023 di Katedral St Mary, Sandakan.

Program yang meraihan belia ini merupakan siri kedua selepas diadakan pada Ogos 12-16 2019. Kemudian disebabkan pandemik, ia terpaksa ditangguhkan.

Ketika dunia dalam fasa pandemik, pelbagai program telah diadakan secara maya, walau bagaimanapun, ramai di kalangan belia yang merindukan suasana pengisian secara fizikal seperti berkum-

Kenangan Temasya Belia Keuskupan Sandakan kali pertama yang dianjurkan pada tahun 2019 di Katedral St Mary, Sandakan.

pul bersama.

Dengan realiti ini, maka Kerasulan Belia Katolik, bersetuju mengadakan Temasya Belia Keuskupan siri kedua pada bulan Ogos kelak.

Ketua penganjur temasya ini diketuai oleh Sdri Airene A. Gumanas dengan tema yang diinspirasikan dari Injil Lukas 1:39, "Maria Bangkit dan Bergegas Pergi".

Beberapa pertemuan secara maya telah diadakan sejak bulan Januari lalu untuk membentuk ahli jawatankuasa utama (MOT).

Kemudian pertemuan dalam talian baru-baru ini, MOT melihat dan merenung

rasional penganjuran TBK kali kedua berdasarkan realiti yang sedang dialami oleh para belia Katolik di mana sahaja, khususnya belia di Diosis Sandakan.

Berdasarkan realiti yang dikongsikan oleh MOT adalah isu-isu yang mendesak, MOT bersetuju bahawa isu-isu ini perlu ditangani segera agar para belia tidak terus hanyut.

Perkongsian realiti semasa ini juga secara langsung membuka minda para MOT bahawa ramai rakan belia mempunyai keinginan untuk melayani tetapi tidak tahu cara dan dengan siapa untuk memulakan pelayanan.

MOT mendapati, ramai belia yang bera-sa serba salah kerana tidak melibatkan diri dalam pelbagai program yang dianjurkan, disebabkan pelbagai alasan serta situasi.

Keadaan ini mengundang pelbagai reaksi daripada semua MOT dan keperluan mendesak ini perlu diisi dengan program atau aktiviti yang sesuai dengan keadaan dan situasi semasa masa kini.

Semoga Temasya Belia Keuskupan siri kedua ini, para belia disentuh oleh Roh Kudus, suara hati dan keinginan mereka dapat didengar serta dapat mencontohi teladan Bonda Maria yang bergegas mewartakan Khabar Gembira. — **dospo**

Tiga agama, buka Rumah Keluarga Abraham di Abu Dhabi

ABU DHABI: Tiga agama Abraham – Yahudi, Kristian dan Islam – kini berkongsi tempat sama untuk beribadah di Uni Emirat Arab yang majoritinya Islam.

Rumah Keluarga Abraham di Abu Dhabi, menempatkan sinagoga, masjid dan gereja dalam sebuah kompleks, seperti yang diimpikan oleh Sri Paus Fransiskus dan Imam Besar Ahmed Al-Tayeb pada tahun 2019.

Pada tahun itu, kedua-dua pemimpin agama tersebut menandatangani ikrar bersejarah yang menyerukan perdamaian dan persaudaraan antara agama dan bangsa.

Gereja yang dibina bersama masjid dan sinagoga itu diberi nama Gereja St Fransiskus Assisi.

Kardinal Michael L. Fitzgerald,

mantan presiden Dewan Kepausan untuk Dialog Antara Agama yang memimpin Misa Kudus pertama di gereja itu mengatakan, “Tempat doa harus menjadi tempat sukacita, dan saya harap ini berlaku bagi kita semua yang hadir di sini,” kata Kardinal Fitzgerald.

Kardinal Fitzgerald turut menyampaikan salam Bapa Suci di mana Sangti Papa mendorong semua yang berkumpul “untuk meneruskan budaya dialog sebagai jalan kita; untuk mengadopsi kerja sama saling bekerjasama sebagai kod etika kita; dan untuk berusaha memupuk semangat saling memahami.”

Rumah Keluarga Abrahamik direka oleh arkitek Ghana-Inggeris, David Adjaye, yang terkenal dengan karyanya termasuk *Smithsonian National Museum of African American History and Culture* di Washington, D.C.



Kardinal Miguel Ayuso (tengah) diapit dua orang paderi bergambar di hadapan Rumah Keluarga Abraham di Abu Dhabi.

nian National Museum of African American History and Culture di Washington, D.C.

Ketiga-tiga tempat ibadah tersebut berada dalam bangunan terpisah yang sengaja dibangun dengan

ketinggian yang sama dan dimensi luar yang sama.

Setiap bangunan berbentuk kubus, berukuran sisi 30 meter, sekitar 98,4 kaki.

Mengikuti tradisi agama bangunan masing-masing, masjid berorientasi ke Mekah, sinagoga berorientasi ke Yerusalem, dan gereja berorientasi ke timur, arah matahari terbit.

Masjid tersebut dinamakan Masjid Ahmed Al-Tayeb, dan telah mengadakan solat Jumaat pada Februari 17 lalu.

Sinagoge Moses Ben Maimon dinamai untuk filsuf Yahudi abad pertengahan yang juga dikenal sebagai Maimonides. Jemaat Yahudi mendedikasikan ruang ibadah itu pada Februari 19 lalu. — *media Vatikan*


Ribuan Kristian, protes diskriminasi agama melampau

NEW DELHI: Ribuan orang Kristian, yang mewakili hampir 79 denominasi, mengadakan protes di New Delhi, ibu kota India pada Februari 19 lalu, bagi membantah peningkatan diskriminasi perkauman terhadap mereka.

Lebih dari dua ribu orang Kristian menuntut pemerintah federal, mahkamah dan masyarakat sivil agar mengambil tindakan untuk menghentikan kekejaman terhadap mereka, khususnya di negeri-negeri seperti – Uttar Pradesh, Chhattisgarh, Madhya Pradesh, Uttarakhand, Karnataka dan Jharkhand.

Di negeri-negeri itu, yang diperintah oleh Parti Bharatiya Janata adalah pro-Hindu yang menyokong undang-undang anti-penukaran agama.

“Perdana menteri kami berbicara tentang ‘sabka saath, sabka vikaas’ (usaha kolektif untuk pertumbuhan inklusif), tetapi apa yang terjadi pada komuniti Kristian di negara ini? Indisen keganasan terhadap umat



Umat Kristian dan aktivis hak asasi manusia menyertai tunjuk perasaan demi membantah peningkatan diskriminasi kaum.

Kristian sungguh membimbangkan dan tidak menyenangkan,” kata Sr Anastasia Gill, mantan anggota komisi minoriti bahagian Delhi.

Laporan tahunan oleh *Federation of Indian American Christian Organizations of North America* (FIACONA), yang diterbitkan pada Januari 30 lalu, menyatakan terdapat 1,198 kejahatan rasial tahun 2022, yang meningkat 157 peratus dibandingkan tahun 2021.

Para peserta protes Kristian, yang

datang menjelang pilihan raya di dua negeri majoriti Kristian, menandatangani memorandum untuk diserahkan kepada Presiden Droupadi Murmu, ketua negara orang asli pertama India.

“Kami akan memberikan memorandum kepada presiden, perdana menteri, menteri dalam negeri, dan ketua kedua majlis parlimen serta kepada setiap menteri utama di negara ini,” ujar Sr Gill. — *ucanews.com*

Tujuh dari 10 umat Katolik di Filipina berdoa setiap hari

MANILA: Tujuh dari sepuluh umat Katolik di Filipina berdoa setidaknya sekali sehari, menurut sebuah survei dari sebuah perusahaan swasta.

Social Weather Stations melakukan survei pada kuartal terakhir tahun 2022 di Filipina yang majoriti Katolik, menyatakan 69 peratus orang Filipina berdoa setiap hari.

Dengan ukuran sampel 1,200

responden di seluruh negeri, responden ditanya: “Seberapa kerap anda berdoa?”

Sebanyak 35 peratus peserta menjawab beberapa kali sehari dan 34 peratus menjawab sekali sehari sehingga memiliki 69 peratus responden yang menjawab mereka berdoa setidaknya sekali sehari, kata *Social Weather Stations* dalam sebuah laporan pada 20 Februari.

Walau bagaimanapun, kaji selidik itu menemui bahawa walaupun jumlah umat berdoa setiap hari itu tinggi tetapi bilangan yang taat ke Gereja tidak menggalakkan.

Ini adalah kerana kebanyakan umat Katolik di Filipina berdoa kerana ia adalah praktik sosial dan komunal, kata Fr Albert Alejo, SJ, seorang antropologi.

Misalnya berdoa sebelum dan sesudah makan, berdoa sebelum memulakan perjalanan, membuat tanda salib ketika melintasi Gereja, berdoa rosari dan berdoa sebelum peperiksaan — semua ini telah menjadi budaya dan kebiasaan, kata Fr Albert.

Biarpun survei itu tidak mencatatkan jumlah tinggi kehadiran umat ke Gereja namun menghadiri Misa online telah menurun dari 94 peratus menjadi hanya tiga peratus tahun ini. — *ucanews.com*



Gereja Katolik Timur Tengah tekankan liturgi, ekumenisme

BEIRUT: Gereja Katolik di Timur Tengah menekankan persatuan dalam sinode peringkat benua, semasa mereka berkumpul di bawah tekanan “situasi sukar” iaitu di tengah-tengah krisis ekonomi dan kemanusiaan setelah gempa dahsyat di Turki dan Syria.

Perwakilan Gereja-gereja dari Mesir, Syria, Jordan, Israel, Irak, Lebanon, dan negara-negara Teluk Persia berkumpul pada Februari 13-17 Februari untuk persiapan sinode Katolik global tentang sinodaliti yang dijadualkan selesai tahun 2024.

Semangat sinodaliti adalah “inti dari warisan Gereja Ritus Timur” yang berasal dari Timur Tengah, kata para pemimpin Gereja dalam kenyataan akhbar mereka, selepas pertemuan mereka di Beirut, ibu kota Lebanon.

Mengenang tragedi gempa bumi di Turki dan Syria, para peserta berhenti sejenak dan berdoa setiap hari untuk para mangsa dan terlanjar, kata pernyataan itu.

Para pemimpin tertinggi dari tujuh Gereja di wilayah itu menghadiri pertemuan selama seminggu bersama dengan perwakilan para imam, religius dan umat awam.

Mereka termasuk Patriark Maronit Kardinal Mar Beshara Boutros Al-

Rahi, Patriark Koptik Anba Ibrahim Isaac, Patriark Antiokhia Mar Ignatius Youssef III Younan, Patriark Melkit Youssef Al-Absi, Patriark Kasdim Kardinal Mar Louis Raphael Sako, Patriark Armenia Raphael Bedros dan Patriark Latin Pierrebattista Pizzaballa dari Yerusalem.

“Majlis Sinode Kontinental Gereja Katolik di Timur Tengah yang menyatukan keluarga Katolik dengan tujuh Gerejaanya berdoa bersama dalam persekutuan, partisipasi, dan misi, kata kenyataan muktamad tersebut.

Pertemuan itu menekankan pentingnya liturgi dengan menekankan liturgi itu “adalah roh hidup kita.”

Pertemuan itu juga menekankan “persekutuan dan harapan dalam penderitaan” dan ingin memperbaharui struktur “Gereja yang lebih sinodal” untuk misi dan kesaksian yang lebih baik di wilayah tersebut.

Mereka juga mengidentifikasi keperluan akan “ekumenisme yang kreatif dan berdialog dengan kumpulan-kumpulan Kristian lain di wilayah tersebut.

Para pemimpin juga mengakui keperluan melatih para paderi untuk mahir dalam menangani keluarga, wanita dan kaum muda. — *ucanews.com*



Para pemimpin Gereja dan perwakilan klerus, religius, dan umat awam dari tujuh Gereja di Timur Tengah semasa sidang Sinode Benua yang diadakan pada Februari 13-17 Februari di Beirut.

Perjalanan 40 hari Pra-Paskah

Minggu Kedua Pra-Paskah ...

TARIKH	RENUNGAN	AKTIVITI
HARI MINGGU PRA-PASKAH II Mac 5, 2023 <i>Kej 12:1-4</i> <i>2 Tim 1:8-10</i> <i>Mat 17:1-9</i>	Penderitaan, kelukaan, putus asa ... yang kita alami semasa melayani, jangan sampai membuatkan kita kecewa dan berundur dari tanggungjawab kita sebagai orang beriman, kerana semua ini, membantu kita untuk memahami jalan benar menuju kemuliaan yang dikehendaki Tuhan dalam hidup kita.	Dermakan barang yang masih baik dan jarang digunakan.
Mac 6, 2023 (Isnin) <i>Dan 9: 4-10</i> <i>Luk 6: 36-38</i>	Kerana Bapa adalah murah hati dan maha pengampun, maka hendaknya kita pun berani mengampuni, meskipun berat. Jika berat, ingatlah bahawa kita pun pernah diampuni.	Berdoa rosari bersama keluarga (walaupun hanya mengucapkan 10 Salam Maria).
Mac 7, 2023 (Selasa) <i>Yes 1:10, 16-20</i> <i>Mat 23: 1-12</i>	Nabi Yesaya menegaskan bahawa meskipun dosa kita semerah kirmizi, namun ia boleh menjadi putih seperti salji. Syaratnya, kita mendengar dan melakukan firman-Nya setiap hari.	Berdoa untuk intensi Sangti Papa.
Mac 8, 2023 (Rabu) <i>Yer18:18-20</i> <i>Mat 20: 17-28</i>	Belajar daripada Nabi Yeremia. Meskipun ramai yang mahu menjatuhkannya, dia tetap pada pendiriannya untukewartakan kerajaan Tuhan dan percaya, Tuhan selalu melindungi serta menyertainya.	Luangkan masa di hadapan Sakramen Mahakudus.
Mac 9, 2023 (Khamis) <i>Yer 17: 5-10</i> <i>Luk 6: 19-31</i>	Renungkan, apakah kita terlalu mementingkan diri, terlalu mempromosi diri untuk mendapat like atau subscribe? Apakah kita mengabaikan identiti Katolik kita demi terkenal di media sosial?	Hadiri Misa harian.
Mac 10, 2023 (Jumaat) <i>Kej 37: 3-4, 12-13, 17-28</i> <i>Mat 21: 33-4, 45-46</i>	Yesus menegaskan, apabila hati kita dikuasai cemburu, hasad dengki, iri hati ... kita lupa status kita di hadapan Tuhan. Jemputlah Yesus agar mengusir rasa negatif ini dan biarlah dia yang merajai hati kita.	Berterima kasih pada seseorang yang memberikan pengaruh positif pada anda.
Mac 11, 2023 (Sabtu) <i>Mik 7:14-15, 18-20</i> <i>Luk 15:1-3, 11-32</i>	Cara Tuhan menerima mereka yang bertobat sangat berbeza dengan cara manusiawi. Dia bersukacita malah membuat pesta besar-besaran demi menyambut kepulangan kita ke pangkuan-Nya.	Luangkan masa di hadapan Sakramen Mahakudus.

● Lakukan renungan dan aktiviti bagi Hari Minggu Kedua Pra-Paskah, secara peribadi, bersama keluarga atau KKD/KED. Renungan Hari Minggu dan Minggu Ketiga Pra-Paskah akan disiarkan pada keluaran akan datang.

MAKANAN UNTUK JIWA

Miserere: mazmur penyesalan, membuka hati kepada Tuhan

Kebanyakan mazmur dalam Perjanjian Lama menyatakan keadaan jiwa manusia dan keperluan kita untuk bertaubat. Ia adalah puisi indah yang mengingatkan kita akan dosa kita, sambil menantikan penebusan dalam Kristus. Khususnya, Mazmur 51, juga dikenali sebagai *Miserere*, adalah mazmur sempurna untuk memulakan musim Pra-Paskah. Gereja juga menetapkan mazmur ini untuk liturgi Rabu Abu. Mendiang Sri Paus Benediktus pernah memberi ulasan akan mazmur ini dalam homilinya semasa memimpin Misa Kudus Rabu Abu pada tahun 2012. Roh yang sama, yang membangkitkan Yesus dari orang mati boleh mengubah hati kita yang keras seperti batu, menjadi hati yang taat (rujuk Yeh 36:26). Kami memohon kepada-Nya, seperti yang diungkapkan dalam Mazmur *Miserere*: “Jadikanlah hatiku tahir ya Tuhan, dan perbaharuilah batinku dengan roh yang teguh! Janganlah membuang aku dari hadapan-Mu, dan janganlah mengambil roh-Mu yang kudus dari padaku (Maz 51[50]:10, 11).

Tuhan yang sama yang mengusir ibu bapa pertama kita dari Eden, menghantar Anak-Nya sendiri ke bumi ini, yang hancur oleh dosa agar kita, anak-anak-Nya bertaubat, ditebus melalui belas kasihan-Nya dan kembali ke ‘tanah air’ kita yang sebenar. Berikut merupakan petikan Mazmur 51, yang dapat membantu kita menjalani musim Pra-Paskah! Kasihanilah aku, ya Tuhan, menurut kasih setia-Mu, hapuskanlah pelanggaranku menurut rahmat-Mu yang besar! Bersihkanlah aku seluruhnya dari kesalahanku, dan tahirkanlah aku dari dosaku! Sebab aku sendiri sedar akan pelanggaranku, aku senantiasa bergumul dengan dosaku. Terhadap Engkau, terhadap Engkau sajalah aku telah berdosa dan melakukan apa yang Kau anggap jahat, supaya ternyata Engkau adil dalam keputusan-Mu, bersih dalam penghukuman-Mu. Sesungguhnya, dalam kesalahan aku diperanakan dalam dosa aku



dikandung ibuku. Sesungguhnya, Engkau berkenan akan kebenaran dalam batin, dan dengan diam-diam Engkau memberitahukan hikmat kepadaku. Bersihkanlah aku dari pada dosaku dengan hisop, maka aku menjadi tahir; basuhlah aku, maka aku menjadi lebih putih dari salju! Biarlah aku mendengar kegirangan dan sukacita, biarlah tulang yang Kau remukkan bersorak-sorak kembali! Sembunyikanlah wajah-Mu terhadap dosaku, hapuskanlah segala kesalahanku!

— Aletea

PENULIS BERKICAU

Dosa kelalaian terhadap pornografi kanak-kanak

Kajian *Malaysians Against Pornografi* (MAP) pada 2018 mendedahkan data amat mengejutkan apabila kira-kira 80 peratus kanak-kanak berusia antara 10 hingga 17 tahun telah menonton pornografi secara sengaja. Sementara hampir 89 peratus daripada kanak-kanak berusia 13 hingga 17 tahun menjadi mangsa antun dalam talian. Perkembangan teknologi sangat penting kepada sesebuah negara kerana teknologi yang dimiliki oleh sesebuah negara melambangkan tahap kemajuan yang dimiliki. Tujuan sesuatu teknologi dicipta adalah untuk memudahkan urusan pekerjaan manusia supaya menjadi lebih pantas, cekap dan mudah. Namun, penggunaan teknologi yang tidak dipimpin turut membawa implikasi negatif terhadap kehidupan manusia apabila digunakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan untuk tujuan yang salah seperti penipuan atas talian, penyebaran berita palsu, pengodaman dan penyebaran bahan pornografi. Jika penggunaan teknologi secara berlebihan dalam kalangan anak-anak tidak dibendung dengan baik mampu membawa kesan negatif terhadap kehidupan mereka. Misalnya, secara purata kanak-kanak di Malaysia di dapati menghabiskan masa antara tujuh hingga lapan jam sehari dengan teknologi seperti telefon bimbit, televisyen dan komputer. Pemandangan seperti kanak-kanak dan remaja yang asyik melihat telefon bimbit mereka semasa perjumpaan sosial, sudah menjadi perkara biasa. Gereja di Asia masih kurang menumpukan perhatiannya pada ancaman sosial yang berkembang ini sedangkan kebanyakan negara Asia, mempunyai kadar tinggi perdagangan video porno. Misalnya, di Indonesia yang mempunyai penduduk Islam terbesar di dunia, meraih 114, 26 juta rupiah (7.2 juta dolar AS) dalam industri pornografi. Maka, inilah masanya Federasi Konferensi-konferensi para Uskup Katolik Asia membentuk komisi terpisah untuk misi digital dengan tujuan membantu orang muda dan orang dewasa, menggunakan konten digital dengan iman, harapan, dan cinta kasih Kristiani sekaligus menolak pornografi. Mendesak orang untuk menjalani kehidupan yang baik dan mengutuk dosa tidaklah cukup. Kelambatan hierarki Gereja dalam memerangi pornografi, khususnya pornografi kanak-kanak, adalah dosa besar kerana mengabaikan perintah: jangan membunuh. Ajaran Pastoral mengenai Sarana Komunikasi Sosial *Communio et Progressio* dalam Ensiklik Miranda Prorsus Sri Paus Pius XIII tahun 1957 yang jelas mengatakan bahawa Gereja memandang sarana-sarana digital ini sebagai anugerah Tuhan sesuai penyelenggaraan Ilahi. Setiap kejadian pornografi kanak-kanak membunuh fikiran dan tubuh anak berkali-kali. Jika Gereja, yang mencakup setiap orang Katolik yang dibaptis, membiarkannya, tidak ada tindakan, maka hierarki harus lebih disalahkan kerana kepemimpinannya yang diam. KENYATAAN MISI HERALD HERALD adalah Mingguan Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

CHARIS promosi kekudusan dalam pelayanan



Para pemimpin dari pelbagai pelayanan di bawah jagaan CHARIS, berhimpun dalam program “Kekudusan dalam pelayanan.”

PULAU PINANG: CHARIS Pulau Pinang menganjurkan program untuk pemimpin dari pelbagai pelayanan di bawah naungan CHARIS yang bertujuan menemui semula makna kekudusan peribadi.

Pelayanan-pelayanan di bawah payung CHARIS termasuklah Kumpulan-kumpulan pembaharuan karismatik Katolik (CCR), *Covenant Community*, (CCR), *Shekinah Glory Renewal Group*, *Seeds Ministry*, dan *Prophetic Intercessory Group*.

Dengan tema, “Kekudusan dalam Pelayanan”, program dua hari tersebut diisi dengan ceramah-ceramah rakaman Uskup Agung Francis Kalist (CHARIS India), Dr Ralph Martin (*Renewal Ministries USA*), Chevalier Cyril John (*CHARIS International*), Felix Ali Chandra (CHARIS Indonesia), Paul Julianose and Catherine Lee (CHARIS Malaysia).

Ini diikuti dengan sesi ceramah pada hari pertama, “Pertobatan” oleh Uskup Agung Francis, kepentingan doa dan perjumpaan dengan Yesus oleh Dr Ralph dan penekanan transformasi dan pertumbuhan iman oleh Chevalier Cyril.

Pada hari kedua, Dr Ralph mengingatkan hadirin tentang “Menghidupkan Semula Pembaptisan Roh Kudus.”

Manakala dalam sesi seterusnya, Paul dan Catherine menerangkan tentang pelayanan pastoral serta pentingnya belajar mengikuti Yesus, membenarkan Dia memimpin dan menyegarkan kita.

Selain sesi-sesi ceramah, para peserta disegarkan melalui sesi Pujian dan Penyembahan serta kemuncak program iaitu Perarakan Yeriko yang dilakukan dengan mengelilingi Basilika Kecil Santa Anna serta diutus dan diberkati oleh Uskup Sebastian Francis untuk mewartakan Khabar Gembira.

Pertemuan Caritas Wilayah Sabah di CMI

BUKIT PADANG, Kota Kinabalu: Caritas Wilayah Sabah telah mengadakan pertemuan bersempena buat julung kalinya pada Februari 17-18 lalu.

Seramai 70 orang anggota Caritas dari Keuskupan/Agung Sabah berhimpun di Gereja Mary Immaculate, Bukit Padang (CMI), yang bertema, “*Together In Action For A Better Community*”.

Program ini merupakan program keempat anjuran bersama tiga Caritas keuskupan di Sabah, namun tiga program sebelum ini dilaksanakan secara dalam talian.

Pertemuan dua hari ini dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Terence Thaddeus selaku Paderi Pembimbing Rohani Caritas Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Seterusnya, diadakan sesi perkongsian aktiviti dan program Caritas khususnya dari aspek pembangunan komuniti yang disampaikan oleh Pengarah Caritas dari setiap keuskupan.

Peserta kemudiannya berpeluang untuk mencadangkan program-program bagi Caritas Wilayah Sabah pada masa akan datang.

Pada hari kedua, peserta mendengar perkongsian mengenai kerja-kerja pembangunan komuniti yang disampaikan oleh Puan Anne Lasimbang, Pengarah Eksekutif *Pacos Trust*, sebuah NGO yang telah melakukan ker-



Para anggota Caritas Wilayah Sabah berhimpun selama dua hari di CMI bagi meneliti pelbagai program untuk kesejahteraan komuniti.

ja-kerja pembangunan komuniti di negeri Sabah dan Sarawak, terutama kepada orang asal selama lebih 30 tahun.

Selepas itu, peserta kemudiannya dibahagi kepada dua kumpulan dan di bawa melawat ke Persatuan Buddhist Tzu Chi Sabah di Likas dan Pusat Kitar Semula Ripell di Tanjung Aru untuk mempelajari bagaimana kedua-dua persatuan dan pusat kitar semula ini menjalankan aktiviti kemanusiaan dan kemasyarakatan.

Program selama dua hari tersebut diakhiri dengan sesi rumusan dan penggulungan yang disampaikan oleh Dominic Lim, dari Caritas Keuskupan Agung Kota Kinabalu dan kemudiannya ucapan penutup oleh ketua penganjur program, Sr.Anita James FSIC, yang juga merupakan pengarah Caritas Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Sr Anita di dalam ucapannya berkata program selama dua hari tersebut adalah sangat penting untuk memastikan misi Caritas Sabah tetap berada di landasan yang betul.

Caritas Wilayah Sabah yang telah ditubuhkan serentak dengan Caritas Malaysia pada bulan Oktober tahun 2020, kini telah memasuki tahun ketiga penubuhannya.

Pengarah Caritas Keningau, Patricia Bai didalam perkongsian berkata, “Sejak ditubuhkan, gereja melalui Caritas sentiasa di barisan hadapan bagi mereka yang memerlukan.”

Anna Theresa Amandus, Pengarah Caritas Sandakan pula berkata, “Kita harus berani untuk keluar dari lingkungan kebiasaan kita demi membawa perubahan ita akan membawa perubahan kepada orang lain.” — *Patricia Bai*

Gereja sebagai pusat keharmonian pelbagai agama

KUALA LUMPUR: Sempena Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia dan sebagai sebahagian daripada sambutan Jubli Intan Gereja Our Lady of Fatima (OLF), paroki tersebut menganjurkan perayaan antara agama pada Februari 12 lalu.

Diketuai oleh paderi paroki OLF, William Michael, majlis itu dihadiri pemimpin agama dari 12 rumah ibadat dan persatuan di sekitar Brickfields.

Kehadiran Uskup Agung Julian Leow semasa majlis itu menandakan sokongan kuat prelatus itu terhadap aktiviti mempromosi keharmonian antara agama.

Fr William dalam ucapannya

berkongsi sejarah ringkas OLF yang pada mulanya sebagai paroki yang hanya melayani keperluan penganut Katolik berbahasa Tamil di Brickfields namun kini, berubah menjadi pusat pelbagai kumpulan bahasa rakyat Malaysia dan menjadi rumah kepada migran Katolik dari pelbagai negara, bahasa dan budaya.

Para hadirin kemudian dijemput untuk sama-sama mendoakan keamanan dan keharmonian di Malaysia dalam hening. Ini diikuti dengan perkongsian ringkas oleh Pengerusi INSaF, Dr Amir Farid Isahak, dan pemimpin masyarakat Baha’i, Rancee Sreedharan, mengenai aspirasi mereka untuk negara.

Uskup Cornelius pimpin Misa penguburan untuk mendiang ibu

KUALA PENYU: Ibu kepada Uskup Cornelius Piong, Pn Lucy Kimsin, meninggal dunia pada Feb 19, 2023 pada usia 96 tahun.

Misa penguburan dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong bersama 13 prang paderi Keuskupan Keningau di Gereja St Peter, Bundu, Kuala Penyu.

Bapa Uskup, di dalam homilinya berkongsi cerita bagaimana iman dan kasih ibunya yang telah banyak membantu membentuk dirinya sehingga kini beliau menjadi seorang gembala di Keuskupan Keningau.

Editor Minggu Katolik *HERALD*, Patricia Pereira bagi pihak sidang redaksi *HERALD*, turut mengutus warkah takziah untuk Uskup Cornelius Piong dan keluarga.

Selepas penghormatan terakhir, upacara penguburan mendiang Lucy Kimsin, dilakukan di Tanah Perkuburan Katolik Gereja St Stephen Kiaru, Kuala Penyu. — *Marcus Angang*



Uskup Cornelius mendupai jenazah ibunya yang meninggal dunia pada Februari 19, 2023.

